



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2009

**KELAYAKAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
OLEH LEMBAGA PEPERIKSAAN BAGI MAKSUD PELANTIKAN
KE PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kelayakan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi maksud lantikan terus atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan STAM yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selaras dengan pengiktirafan tersebut, lulusan STAM boleh dipertimbangkan untuk dilantik terus atau KPSL ke perkhidmatan awam bagi mengisi jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat STPM di mana bersesuaian. Senarai skim perkhidmatan berkuat kuasa yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat STPM adalah seperti di **Lampiran A**.

KAEDAH PELAPORAN PENCAPAIAN KEPUTUSAN STAM

3. Format pernyataan keputusan peperiksaan STAM melaporkan peringkat bagi setiap mata pelajaran seperti berikut:

| Peringkat | Takrif |
|----------------------|---------------|
| <i>Mumtaz</i> | Cemerlang |
| <i>Jayyid Jiddan</i> | Sangat Baik |
| <i>Jayyid</i> | Baik |
| <i>Maqbul</i> | Lulus |
| <i>Rasib</i> | Gagal |

KELAYAKAN STAM UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

4. Calon-calon yang memiliki kelayakan STAM boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan masuk STPM berdasarkan tahap kelulusan berikut:

- 4.1 lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran pada peringkat *Maqbul* dalam satu peperiksaan dengan kombinasi mata pelajaran berikut:
- (a) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (b) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (c) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau

- (d) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah; atau
- (e) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
- (f) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
- (g) tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah; atau
- (h) tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
- (i) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
- (j) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin.

atau

- 4.2 lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran pada peringkat *Maqbul* yang dikumpulkan daripada peperiksaan yang diduduki dalam tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh keputusan peperiksaan yang pertama kali diduduki dengan kombinasi mata pelajaran seperti di perenggan 4.1 (a) hingga (j) di atas.

Senarai mata pelajaran STAM berdasarkan bidang yang ditetapkan adalah seperti berikut:

| Bidang | Mata Pelajaran |
|---------------|--|
| Bahasa Arab | 1. Nahu dan Sarf 2. Insya' dan Mutala'ah 3. Adab dan Nusus 4. 'Arudh dan Qafiyah 5. Balaghah |
| Syariah | 6. Fiqh 7. Hadith dan Mustolah |
| Usuluddin | 8. Hifz Al-Quran dan Tajwid 9. Tauhid dan Mantiq 10. Tafsir dan Ulumuhu |

5. Calon yang tidak memiliki keputusan seperti di perenggan 4.1 atau 4.2 seperti di atas adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan dengan syarat lantikan STPM.

TINDAKAN PIHAK BERKUASA MELANTIK

6. Pihak Berkuasa Melantik hendaklah memasukkan kelayakan STAM seperti yang disebut di perenggan 4.1 dan 4.2 di atas dalam setiap iklan jawatan yang mensyaratkan kelulusan berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan sebagai syarat lantikan.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa kepada calon yang memiliki kelayakan STAM mulai tahun 2000.

PENUTUP

8. Pihak Berkuasa Melantik juga adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan surat pekeliling perkhidmatan ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

17 **Disember 2009**

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG MEMPERUNTUK
SYARAT KELAYAKAN MASUK DI PERINGKAT STPM**

| | | |
|-----|---|-----------------------------|
| 1. | Pereka | Gred B27 |
| 2. | Penolong Pegawai Kimia Bumi | Gred C27, C32, C38 |
| 3. | Penolong Pegawai Makmal Filem | Gred C27, C32, C38 |
| 4. | Penolong Pegawai Sains | Gred C27, C32, C38 |
| 5. | Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi | Gred E27, E32, E38 |
| 6. | Penolong Pegawai Perangkaan | Gred E27, E32, E38 |
| 7. | Penolong Pengurus Taman/ Ladang | Gred G27, G32, G36 |
| 8. | Penolong Pegawai Keselamatan | Gred KP27, KP32, KP38 |
| 9. | Penolong Pegawai Pertahanan Awam | Gred KP27, KP32, KP38 |
| 10. | Penolong Penguasa Imigresen | Gred KP27, KP32, KP38 |
| 11. | Penolong Pegawai Pendaftaran | Gred KP27, KP32, KP38 |
| 12. | Penolong Penguasa Penjara | Gred KX27, KX32, KX38 |
| 13. | Jurubahasa | Gred L17, L22, L26 |
| 14. | Penolong Pegawai Syariah | Gred LS27, LS32, LS38 |
| 15. | Penolong Pegawai Tadbir | Gred N27, N32, N36 |
| 16. | Penolong Pegawai Penerbitan | Gred N27, N32, N36 |
| 17. | Penolong Pegawai Penguatkuasa | Gred N27, N32, N36 |
| 18. | Penolong Pengurus Asrama | Gred N27, N32, N36 |
| 19. | Penolong Pegawai Penyelidik Sosial | Gred N27, N32, N36 |
| 20. | Penolong Pegawai Tadbir Tanah | Gred N27, N32, N36 |
| 21. | Penghulu | Gred NP27, NP32, NP36, NP40 |
| 22. | Penolong Pegawai Penyelidik | Gred Q27, Q32, Q36 |
| 23. | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam | Gred S27, S32, S38 |
| 24. | Penolong Pegawai Arkib | Gred S27, S32, S38 |
| 25. | Penolong Kurator | Gred S27, S32, S38 |
| 26. | Penolong Pegawai Perpustakaan | Gred S27, S32, S38 |
| 27. | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat | Gred S27, S32, S38 |
| 28. | Penolong Pegawai Belia dan Sukan | Gred S27, S32, S38 |
| 29. | Wartawan | Gred S27, S32 |
| 30. | Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan | Gred S27, S32, S38 |
| 31. | Penolong Pegawai Penerangan | Gred S27, S32, S38 |
| 32. | Penolong Pegawai Psikologi | Gred S27, S32, S38 |
| 33. | Penolong Pegawai Kesatria | Gred S27, S32, S38 |
| 34. | Penolong Pegawai Perancang Bahasa | Gred S27, S32, S38 |
| 35. | Penolong Pegawai Antidadah | Gred S27, S32, S38 |
| 36. | Penolong Penguasa Kastam | Gred W27, W32, W36 |
| 37. | Pegawai Penguatkuasa Maritim | Gred X13, X16 |
| 38. | Pegawai Rendah Polis dan Konstabel | Gred YA5, YA8, YA10 |